



-  
**TEKS UCAPAN**  
YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT

-  
**SEMPENA**  
**SAMBUTAN HARI IBU PERINGKAT KEBANGSAAN 2026**

-  
**LOKASI / TARIKH / MASA**  
WTC | 10 MEI 2026 (AHAD) | 11.30 PAGI

*Kemas kini 6 Mei 2026*



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani**

Menghadap Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim.

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.**

Patik bagi pihak majlis merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bercemar duli berangkat menyempurnakan perasmian **Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2026** pada pagi yang berbahagia ini. Sesungguhnya keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sudah tentunya menyerikan majlis dan akan menjadi kenangan terindah buat patik sekalian.

**Ampun Tuanku,**

Patik memohon ampuni limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk patik turut mengalu-alukan dif-dif kenamaan yang hadir pada hari ini.

24

- i. Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dato' Dr. Wan Ismail;  
Isteri YAB Perdana Menteri
- ii. Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying;  
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- iii. Yang Berbahagia Datuk Dr. Maziah Che Yusoff  
Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

- iv. Yang Berbahagia Dato' Sri Rohani Abdul Karim  
Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
- v. Yang Berbahagia Dato' Abdul Shukur Abdullah  
Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
- vi. Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan
- vii. Dif-dif serta para hadirin sekalian

## **(A) PENDAHULUAN**

**Ampun Tuanku,**

1. Sambutan Hari Ibu ini merupakan manifestasi kasih sayang, pengiktirafan dan penghargaan tertinggi negara terhadap insan istimewa yang bergelar ibu. Keberangkatan Tuanku sesungguhnya melambangkan keprihatinan tinggi Tuanku terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam memartabatkan peranan ibu sebagai teras keharmonian institusi keluarga.

**Ampun Tuanku,**

### **(B) TEMA: "SETEGUH KASIH IBU"**

2. Tema "**Seteguh KASIH Ibu**" meraikan ketabahan luar biasa para wanita di Malaysia dalam memelihara keharmonian dan kebahagiaan keluarga. Ibu bukan sekadar pengurus rumah tangga tetapi mereka adalah **tunjang utama** yang membentuk jiwa dan jati diri anak-anak. Selaras dengan **Dasar KASIH Keluarga Negara**, Kerajaan akan memastikan sokongan terhadap wanita dan keluarga akan terus diperkukuh melalui pendekatan yang menyeluruh, inklusif dan berteraskan kesejahteraan institusi keluarga.

**Ampun Tuanku,**

### **(C) PENGHARGAAN BUAT IBU & WANITA YANG BERJUANG DEMI ZURIAT: HARAPAN MELALUI PROGRAM BuAI**

3. Di dalam kita menelusuri kehidupan seharian, tersembunyi kisah perjuangan wanita yang tabah menempuh perjalanan mencabar demi merealisasikan impian menjadi seorang ibu. Perjalanan ini menuntut ketahanan fizikal dan emosi yang luar biasa, dan wajar diberikan penghargaan yang tinggi. Dalam memahami dan menyantuni perjuangan ini, KPWKM menerusi LPPKN sejak tahun 1979 tampil sebagai agensi pelopor utama yang menawarkan akses kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif dan kesuburan yang berkualiti, dalam usaha membantu wanita dan pasangan mencapai impian mendapat zuriat.
4. Melalui perkhidmatan kesuburan yang komprehensif pada harga berpatutan serta subsidi rawatan yang disediakan, LPPKN telah membantu ribuan wanita mencapai impian mereka. Sehingga kini, lebih **373,000 kes subfertiliti** telah dikendalikan, dengan **6,513**

**kehamilan** berjaya direalisasikan. Setiap satu daripadanya membawa kisah harapan yang menjadi kenyataan, kisah air mata yang membawa bahagia.

5. Antara inisiatif yang memberi sinar kepada harapan menjadi seorang ibu ialah **Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti (BuAI)** dengan tagline “**Lebih Awal, Lebih Baik**”. Program BuAI ini menyasarkan pasangan yang layak dengan pembiayaan menjalani rawatan IUI sehingga dua kitaran. Seramai 47,000 pasangan dijangka akan mendapat manfaat dari inisiatif ini.
6. Melangkah ke hadapan bersama komitmen berterusan Kerajaan, Pembangunan Data Registri Subfertiliti Kebangsaan mengikut piawaian antarabangsa akan dijalankan bermula tahun 2026. Ia merupakan elemen penting dalam menyokong penubuhan **Pusat Subfertiliti Negara (PSN)** di Shah Alam yang bakal beroperasi pada tahun 2030. Data Registri Subfertiliti Kebangsaan ini kelak akan memperkukuh usaha kerajaan dalam merancang, memantau dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kesuburan secara lebih bersepadu dan berkesan.

#### **Ampun Tuanku,**

7. Patik juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato’ Seri Anwar Ibrahim, atas pengumuman pengenalan **Elaun Pasca Cuti Bersalin** bersempena Sambutan Hari Pekerja 2026 baru-baru ini. Inisiatif ini mencerminkan keprihatinan Kerajaan MADANI dalam menyantuni keperluan ibu bekerja dalam bentuk bantuan kewangan bagi cuti tambahan selepas tamat tempoh cuti bersalin wajib.
8. Dengan pelaksanaan inisiatif ini, ia dijangka akan memberi manfaat kepada lebih 132,000 pekerja wanita seluruh negara. Inisiatif terbaharu ini adalah bukti komitmen Kerajaan dalam meringankan tekanan ibu pasca bersalin, menyokong penyertaan aktif wanita dalam pasaran buruh dan memastikan kebajikan wanita terus diberi keutamaan demi kesejahteraan keluarga serta pembangunan negara.

#### **(D) CABARAN KESEJAHTERAAN IBU DAN INISIATIF SENTUHAN KASIH**

9. Namun begitu, kita harus mengakui realiti bahawa bebanan tugas ibu pada masa kini semakin mencabar. Hasil Tinjauan Pendapat Umum Hari Ibu 2025 mendapati sebanyak 65.9 peratus ibu berdepan kekangan masa untuk diri sendiri, terutamanya untuk berehat dan memulihkan emosi.
10. Sebagai respons kepada keperluan ini, kementerian memperkenalkan **Pakej Seteguh KASIH Ibu (PSKI)** yang menawarkan tiga komponen utama bagi menyantuni kesejahteraan para ibu secara menyeluruh. Pertama, **Pakej Sayang Ibu** yang

memfokuskan kepada aspek kesihatan melalui Program Saringan Awal Kanser Reproduktif Wanita (WCaRe) dan subsidi mamogram, serta sokongan khusus melalui Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Subfertiliti (BuAI). Kedua, **Pakej Bonding KASIH Ibu** yang menekankan pengukuhan emosi melalui aktiviti interaktif seperti terapi seni, *Laugh Therapy*, serta pengenalan lima (5) Bahasa Cinta bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan. Akhir sekali, **Pakej Minda Tenang** yang menawarkan perkhidmatan relaksasi melalui urutan kesejahteraan MamaCare dan *Colour Analysis* untuk memastikan kesejahteraan mental ibu sentiasa terjaga.

11. Inisiatif ini adalah bukti nyata komitmen kerajaan dalam menyediakan ekosistem sokongan yang holistik agar para ibu sihat, ceria dan diperkasa dalam mengemudi keluarga. Bagi memastikan manfaat ini sampai kepada segenap komuniti, patik menyeru kepada semua wanita dan ibu di luar sana untuk mendapatkan perkhidmatan **Pakej Seteguh KASIH Ibu** ini yang ditawarkan di Pusat Keluarga LPPKN di seluruh negara.

**Ampun Tuanku,**

#### **(E) ANUGERAH KHAS INSPIRASI IBU**

12. Dalam usaha menghargai setiap titisan keringat dan air mata ibu, KPWK melalui LPPKN berbesar hati memperkenalkan **Anugerah Khas Inspirasi Ibu**. Edisi kali ini memberi fokus khusus kepada perjuangan mendapatkan zuriat atau sering disebut sebagai “Pejuang dua garisan” yang menjadi sumber inspirasi dan sinar harapan buat pasangan lain yang sedang menjalani rawatan subfertiliti. Komitmen berterusan yang mereka tunjukkan adalah bukti kekuatan jiwa seorang wanita dalam membina sebuah keluarga.

#### **PENUTUP**

**Ampun Tuanku,**

13. Sebagai penghormatan kepada insan bergelar ibu, patik ingin menyeru kepada seluruh masyarakat untuk terus menyanjung tinggi jasa dan kasih sayang ibu yang tidak terbalas. Selari dengan temanya, “**Seteguh KASIH Ibu**”, KPWK melalui LPPKN akan terus komited melaksanakan agenda pemeraksanaan keluarga selaras dengan **Dasar KASIH Keluarga Negara**, dalam memastikan tiada ibu yang tertinggal dalam arus pembangunan negara. Selamat Hari Ibu kepada semua wanita hebat di luar sana.
14. Demikianlah sembah ucapan patik. Patik sekali lagi merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bercemar duli berangkat menyempurnakan perasmian **Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2026** pada pagi yang berbahagia ini.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.

Patik menjunjung kasih Tuanku.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,**  
**KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**10 Mei 2026**